

5,003 graduan terima ijazah diploma pada Majlis Konvokesyen UMS Ke-20

NST 24.11.2018 |

KOTA KINABALU: Seramai 5,003 graduan terdiri daripada 55 penerima Ijazah Doktor Falsafah, 603 Ijazah Sarjana; 4,276 Ijazah Sarjana Muda dan 69 Diploma akan menerima jiazhah dan diploma masing-masing pada Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke-20 yang akan berlangsung bermula hari ini hingga 26 November ini.

Jumlah tersebut turut melibatkan 195 graduan kelas pertama, 146 graduan yang merupakan pelajar antarabangsa, 89 graduan dari kumpulan pelajar B40, 14 graduan kelainan upaya dan dua graduan anumerta (posthumous).

Berlangsung di Dewan Canselor UMS, acara pengurniaan ijazah akan berlangsung dalam enam sidang, dengan Yang DiPertua Negeri Sabah, Tun Datuk Seri Panglima Haji Juhar Datuk Haji Mahiruddin akan mengurniakan Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda Doktor Perubatan dan Diploma Kejururawatan pada sidang satu majlis konvokesyen.

Pada sidang tersebut juga, Juhar akan menyempurnakan istiadat pemasyhuran dua Pro-Canselor baharu UMS, iaitu Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Haji Mohd Shafie Haji Apdal dan Pengurus Eksekutif Amcorp Group Berhad, Tan Sri Azman Hashim.

Azman kemudiannya akan menyempurnakan majlis pengurniaan ijazah pada sidang kedua (hari pertama) dan sidang keempat (hari kedua), manakala, Mohd Shafie akan menyampaikan ijazah kepada para graduan dalam sidang ketiga (hari kedua).

Pada hari ketiga majlis konvokesyen, Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin akan menyempurnakan majlis pengurniaan ijazah bagi sidang lima dan sidang enam.

Majlis konvokesyen kali ini juga menyaksikan pengurniaan ijazah kepada graduan sulung bagi dua program baharu iaitu Sarjana Sains Komputer (Pembangunan Perisian) dari Fakulti Komputeran Informatik dan Sarjana Sastera (Kerajaan dan Hubungan Antarabangsa) Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan.